

# Kifarah

## daripada ALLAH

BERSYUKUR DENGAN KETENTUAN-NYA, BERSEDIA UNTUK UJIAN LAGI BESAR

CUACA panas terik membahang sehingga tekak terasa perit. Keluar sahaja dari rumah berjalan di bawah terikan mentari terus kepala berpinar. Menjelang malam pula, kipas berputar tidak henti-henti tidak cukup, dengan itu pendingin hawa dipasang sehingga Subuh.

Itulah digambarkan dengan cuaca panas dan kering yang melanda negara kita sekarang. Adakah kerana musibah atau peringatan daripada ALLAH SWT supaya usaha terlampau leka dengan duniawi atau kaitan bulan Jamadil dalam kalender hijri?

Rehal mendapatkan Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Dr Mohd Faisol Ibrahim bagi mengupas mengenai fenomena kemarau yang jarang berlaku ini.

### FENOMENA LUAR BIASA

Penetapan kalender Islam berasaskan tahun Hijri bermula semasa pemerintahan Saidina Umar Al-Khattab RA. Berasaskan kepada Muharram iaitu bulan berlakunya penghijrahan Nabi Muhammad SAW. Ini adalah reformasi dilakukan Umar RA dalam menjaga kesucian agama Islam agar terus berkembang di dunia ini, khususnya dalam urusan berkaitan pentadbiran.

Melalui ketetapan ini, Umar mengenal pasti 12 bulan Arab untuk mewujudkan kalender Islam. Bulan itu adalah Muharam, Safar, Rabi'ulawal, Rabi'ulakhir, Jamadil Awal, Jamadil Akhir, Rejab, Syaban, Ramadan, Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah.

Ini secara langsung menggambarkan

Umar RA mengiktiraf bulan tersebut sebagai bulan Islam. Apa yang dilakukan Saidina Umar Al-Khattab bukanlah sesuatu yang pelik, sebaliknya ia amat berkaitan dengan Islam.

Mohd Faisol yang juga Pengarah Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah berkata, pemilihan nama bulan Arab oleh Umar RA untuk kegunaan kalender Islam adalah disebabkan bulan tersebut mempunyai maksud tersendiri bagi masyarakat Arab ketika itu.

"Contohnya, Jamadil Awal adalah bulan kelima dalam kalender Islam, manakala Jamadil Akhir pula bulan keenam dalam Islam. Jamadil Awal memberi erti permulaan musim sejuk.

"Dari segi bahasa, ia bermaksud kering atau beku. Bulan ini dinamakan bulan pertama musim panas kerana dalam bulan tersebut tanah Arab mengalami kekeringan air atau air menjadi beku. Pada ketika itu air di telaga, sungai dan lembah mula menjadi kering.

"Jamadil Akhir pula ditakrifkan sebagai pengakhiran musim panas. Bulan ini dinamakan bulan kedua musim panas kerana dalam bulan tersebut tanah Arab akan mengalami kekeringan air yang lebih tinggi berbanding sebelum ini. Pada ketika itu telaga, sungai dan lembah menjadi kering kontang," katanya.



MOHD FAISOL

Menurutnya, fenomena panas terik yang berlaku di Malaysia sejak akhir-akhir ini adalah sesuatu agak luar biasa berbanding keadaan sebelum ini.

Dibuktikan lagi melalui kenyataan Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid dalam kenyataan menyatakan jika panas berterusan, paras air di Empangan Sungai Selangor dan Klang Gate yang ketika ini mempunyai simpanan air kurang daripada 60 peratus akan terus merosot sekali gus memberi kesan besar kepada kira-kira dua juta pengguna yang bergantung kepada sumber air daripada kawasan tadahan itu.

### MUSIBAH ATAU KIFARAH?

Situasi sekarang benar-benar menguji tahap keimanan seorang hamba. Bayangkan dalam keadaan cuaca panas membahang, di sesetengah kawasan seperti di Lembah Klang, Selangor dan di Riau, Indonesia mengalami tahap kualiti udara yang tidak sihat malah boleh dikategorikan berada di peringkat darurat.

Adakah ini musibah, bencana daripada ALLAH sebagai kifarah untuk kita?

Mohd Faisol menjelaskan, sebagai orang Islam, seharusnya kita melihat apa yang berlaku ini daripada sudut positif dan menerimanya dengan reda di samping berusaha memperbaiki kelemahan yang wujud sebelum ini.

Benar! ALLAH Yang Maha Berkuasa pastinya tidak akan memilih sesiapa pun apabila menurunkan ujian atau bala.

"Muslimin perlu berprasangka baik dan mengalihkan tanggapan negatif atas apa yang berlaku ini kepada pandangan yang positif. Ingatlah, kemarau yang berlaku dengan cuaca berjerebu sebagai sesuatu hikmah tersurat dan tersirat maksudnya.

"ALLAH mahu manusia berfikir dan melakukan sesuatu perubahan ke arah yang lebih baik, ikhlas dan bersungguh-sungguh

serta istiqamah, berikutan itu ramai pihak perlu bergabung dan bekerjasama.

Lihatlah, kesan daripada keadaan ini, pelbagai aktiviti keagamaan dilakukan di setiap negeri seperti Solat Sunat Istisqa dengan melibatkan pelbagai lapisan umur, pangkat, jawatan dan ideologi politik.

Ini secara tidak langsung mewujudkan kembali ukhuwah dan persaudaraan sesama Islam bertaut dengan eratinya," kata anak kelahiran Utara ini.

Beliau berkata, apa yang berlaku ini adalah satu petunjuk yang ALLAH sangat sayangkan umat Islam di negara ini. Anggaph kejadian, ujian, musibah yang diturunkan-Nya sebagai dorongan daripada ALLAH untuk kita bersikap lebih beriman, bersyukur dan bersedia apabila menerima musibah yang lagi besar dan dahsyat.

### PANAS MERATA TEMPAT

Jika menelusuri kronologi

cuaca panas yang berlaku sekarang, kebanyakan isu kepanasan yang terkini berlaku pada Mac ini di mana bersamaan dengan bulan Jamadil Awal dalam kalender Islam. Ini memberikan gambaran pentakrifan bulan yang wujud dalam Jamadil Awal adalah tepat.

Fenomena cuaca panas yang berlaku bulan Jamadil Awal ini memberi gambaran, cuaca panas bukan sahaja wujud di tanah Arab, bahkan ia sudah melangkaui sempadan negara lain.

Setiap hari sering dilaporkan pasukan bomba yang bertungkus-lumus mengawal kebakaran di kawasan tanah dan rumput kering.

Kebakaran yang diakibatkan suhu panas yang tinggi ini menyebabkan anggota bomba dibekukan cuti bagi memastikan sebarang kemungkinan kebakaran kawasan tanah dan rumput kering dapat dikawal.

Bagi memastikan kepanasan ini tidak berpanjangan, usaha pembenihan awan dilakukan oleh pihak bertanggungjawab. Pembenihan awan ini dilakukan agar hujan dapat turun seterusnya mampu membasahi kawasan tanah dan rumput-rumput kering.

Walaupun hujan lebat di beberapa tempat, namun ia masih tidak mencukupi bagi mengurangkan suhu kepanasan yang tinggi ini. Sehingga hari ini, cuaca masih lagi panas.

Apa yang mampu kita lakukan adalah usaha berputus asa, mintalah, berdoalah kepada-Nya kerana Dia Maha Pemurah dan Maha Mendengar!



Manusia memerlukan hampir 70 peratus air dalam badan bagi memastikan organ dalaman berfungsi dengan baik.

Kering kontang... Inilah yang digambarkan apabila ALLAH SWT tidak menurunkan hujan. - Gambar hiasan



Selain manusia, air turut diperlukan makhluk ALLAH untuk kelangsungan hidup. - Gambar hiasan